



## DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 4/2025 (Pindaan No. 2)

**MENTERI KEWANGAN** melalui perenggan 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengecualikan pembayaran cukai perkhidmatan **berkuat kuasa 1 Julai 2025** bagi –

### PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Kumpulan M, Jadual Pertama  
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

| BIL. | PENGECCUALIAN                                                                                                                                                                                            | SYARAT-SYARAT                                                                                                                                                                                                                             |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | Caj atau yuran yang dikecualikan cukai perkhidmatan dinyatakan seperti di <b>LAMPIRAN A</b>                                                                                                              | Tiada.                                                                                                                                                                                                                                    |
| 2.   | Anak dan tanggungan diplomat asing diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pendidikan.                                                                        | Diplomat asing perlu mendapatkan surat pengesahan daripada Kementerian Luar Negeri untuk dikemukakan kepada institusi pendidikan swasta atau institusi pendidikan tinggi bagi tujuan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan. |
| 3.   | Pengecualian cukai perkhidmatan ke atas yuran atau fi perkhidmatan pendidikan yang ditaja sepenuhnya oleh institusi pendidikan, institusi pengajian tinggi, syarikat, yayasan atau lain-lain organisasi. | Tiada.                                                                                                                                                                                                                                    |



**LAMPIRAN A**  
DCP Bil. 4/2025 (Pindaan No. 2)

**CAJ ATAU YURAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN YANG DIKECUALIKAN**  
**CUKAI PERKHIDMATAN**

**A. BUTIRAN 1, KUMPULAN M**

1. Caj buku;
2. Caj uniform;
3. Caj makanan dan minuman;
4. Caj pengangkutan;
5. Caj penginapan;
6. Yuran deposit yang bukan sebahagian daripada yuran pengajian dan boleh dikembalikan;
7. Yuran Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG);
8. Yuran lawatan sambil belajar ke dalam atau luar negara yang bukan merupakan sebahagian daripada yuran pengajian; atau
9. Caj pas pelajar atau visa.

**B. BUTIRAN 2 & 3, KUMPULAN M**

1. Caj buku;
2. Caj penginapan;
3. Caj pengangkutan;
4. Caj makanan atau minuman;
5. Yuran deposit yang bukan sebahagian daripada yuran pengajian dan boleh dikembalikan;
6. Yuran lawatan sambil belajar ke dalam atau luar negara yang bukan merupakan sebahagian daripada yuran pengajian; atau
7. Caj pas pelajar atau visa.



**Senarai Pindaan:**

| Bil. | Keterangan Pindaan                        | Tarikh Kuat Kuasa |
|------|-------------------------------------------|-------------------|
| 1.   | Menambah pengecualian di butiran 2 dan 3. | 1 Julai 2025      |

**Makluman:**

Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 4 dan Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 4 (Pindaan No. 1) adalah **dibatalkan** dan digantikan dengan Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 4 (Pindaan No. 2) berkuat kuasa **mulai 1 Julai 2025**.

**Penafian:**

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT  
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**